

سمبوتن اولع تاهون  
هارى كبعشان  
نكارا بروني دارالسلام  
لث ٤٠ تاهون ٢٠٢٤


**SAMBUTAN ULANG TAHUN  
HARI KEBANGSAAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
KE-40, TAHUN 2024**

23 Februari 2024 / ١٣ شعبان ١٤٤٥



بسم الله الرحمن الرحيم  
بسم الله الرحمن الرحيم

**BERSATU  
MENCAPAI  
CITA NEGARA**





برساختو  
میتخافای  
چین  
نظار

**BERSATU  
MENCAPAI  
CITA NEGARA**





**Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda  
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni  
Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,  
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam**





**Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda  
Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran  
Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam,**

D.K.M.B., D.K., Knight Grand Cross (First Class) of The Most Illustrious Order of Chula Chom Klao (Thailand), Member of The Royal Order of The Seraphim (Sweden), The Bejewelled Grand Cordon of Renaissance (Jordan), Grand Cross of the Netherlands - G.K.N.L., (Netherlands), Darjah Utama Seri Mahkota Negara (D.M.N.) (Malaysia), Bintang Mahaputera Adipurna (Republik Indonesia), Grand Order of Mugunghwa (Republik Korea), The Order of Princess Olha, First Class (Ukraine), D.K. (Johor), D.K. (Selangor), D.K. (Kelantan), P.H.B.S.





# Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam



## *Allah Peliharakan Sultan*

Ya Allah  
Lanjutkanlah usia  
Kebawah Duli Yang Maha Mulia  
Adil berdaulat menaungi nusa  
Memimpin rakyat kekal bahagia  
Hidup sentosa  
Negara dan Sultan  
Ilahi selamatkan  
Brunei Darussalam

Ciptaan  
**Haji Awang Besar bin Awang Sagap**  
Seni kata  
**Yura Halim**  
Susunan muzik  
**Mejar (B) Awang Haji Manaf  
bin Haji Kamis**



# کند و شن

7 Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam

8 Kandungan

10 Sekapur Sirih

13 Pemasyhuran Kemerdekaan

16 Upacara Menaikkan Bendera Besar

18 Atur Cara Majlis Kesyukuran  
Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah,  
Membaca Surah Yasin dan Doa Kesyukuran

20 Atur Cara Upacara Perhimpunan Agung

26 Logo

27 Huraian Logo

28 Huraian Tema

32 Ikrar Hari Kebangsaan

36 Profil Pembaca Ikrar

Kandungan



- 
- 42** Persediaan Menjelang  
Upacara Perhimpunan Agung
- 54** Persembahan
- 64** Membingkai Kenangan Sambutan Ulang Tahun  
Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam  
Ke-39, Tahun 2023
- 146** Kalendar
- 149** Gambar Ahli Jawatankuasa Tertinggi
- 151** Ahli Jawatankuasa Tertinggi
- 152** Ahli Jawatankuasa Kerja
- 181** Senarai Kumpulan dan Pasukan Perbarisan Lalu
- 184** Penghargaan
- 188** Tafsiran Kulit Luar



## Sekapur Sirih



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ  
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى  
أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ  
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah subhanahu wa taala, kerana dengan izin, limpah dan rahmat-Nya jua, kita masih berpeluang untuk sama-sama berkumpul dan menikmati kemeriahan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam. Alhamdulillah, selama empat dekad, negara kita telah mencapai nikmat kemerdekaan sejak tahun 1984. Empat puluh tahun merdeka mengidentifikasi **satu tingkat pencapaian yang patut kita syukuri** sekalipun kita berada di tengah-tengah pergolakan dunia yang mencabar.

Kemuncak kemerdekaan dapat dirasakan pada setiap 23 Februari. Gema kemerdekaan lebih terasa semasa Upacara Perhimpunan Agung yang secara lazimnya dilangsungkan di ibu kota. Berbeza tahun ini, perhimpunan akan disemarakkan di Stadium Negara Hassanal Bolkiah yang berupaya menyatupadukan seluruh rakyat dan penduduk di negara ini dengan penglibatan beberapa lapisan masyarakat, sama ada pihak kerajaan mahupun pihak swasta. Upacara ini bukan saja memperlihatkan suasana kemeriahan di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, lebih daripada itu dapat meningkatkan semangat patriotisme dan **nilai-nilai kebruneian**. Inilah detik bersejarah yang melambangkan solidariti rakyat Brunei tanpa mengira bangsa, budaya dan agama.

Seiring masa yang bergerak pantas menghampiri Wawasan Brunei 2035, tahun ini diperkenalkan tema **“Bersatu Mencapai Cita Negara”** sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-

40. Tema ini mencerminkan tekad kebersamaan agar seluruh rakyat Brunei bersatu menuju kejayaan, mengatasi setiap tantangan, memperkuat dan memantapkan persatuan atau organisasi, dan bekerja keras demi mencapai hasrat negara. Tema ini juga memberi penegasan kepada setiap komuniti agar sentiasa bersiap sedia menghadapi masa depan yang optimis.

Aspirasi Negara menjelang tahun 2035 dapat direalisasi dengan penglibatan belia. Belia merupakan tonggak kekuatan negara yang membangun masa depan yang cerah, mencipta generasi yang berfikiran maju dan mendukung pembangunan negara secara holistik. Justeru, sumbangan belia terhadap pembangunan negara merangkumi pelbagai bidang kemahiran yang perlu dibanggakan termasuklah bidang keusahawanan. Perkara ini pernah digariskan dalam titah Kebawah Duli Yang Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-18 pada 14 Muharam 1445 bersamaan 1 Ogos 2023:

“... Golongan Belia juga sudah dilihat mempelopori pelbagai bidang keusahawanan sama ada dari Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana. Beta difahamkan, lebih kurang 17 ribu belia adalah berdaftar di bawah bahagian Pendaftaran Syarikat dan Nama Perniagaan (ROCBN). Perkembangan ini sangatlah memberangsangkan ...”

Ke arah itu, pendekatan senegara akan terus dipraktikkan kerana ia masih relevan sehingga sekarang. Insya-Allah, komitmen dan kontribusi yang bersinergi daripada semua pihak dapat memaksimumkan hasil pembangunan yang inklusif dan dapat meningkatkan kesejahteraan rakyat.

Sehubungan dengan itu, marilah kita sama-sama berusaha dan berdoa agar Allah subhanahu wa taala sentiasa memberikan perlindungan, melimpahkan rahmat dan kesejahteraan ke atas bumi Darussalam yang berdaulat. Moga Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40 ini, kita akan lebih maju ke hadapan dan sama-sama mengukuhkan **pendidikan moral, nilai-nilai murni** dan **budi pekerti** kerana **kekuatan dalaman** inilah tunjang kepada ketamadunan negara. Dengan itu, generasi penerus tidak mudah goyah dan sentiasa cekal dalam menghadapi setiap cabaran dengan fikiran yang terbuka.

Akhirnya, saya sukacita merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli Jawatankuasa Tertinggi dan Ahli Jawatankuasa Kerja Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40 dalam memastikan semua perancangan berjalan dengan lancar dan sempurna. Sekalung penghargaan juga ditujukan kepada warga perkhidmatan awam, warga di sektor swasta sama ada bertugas di dalam mahupun di luar negara, pasukan-pasukan keselamatan, pasukan sukarelawan, para ibu bapa, guru-guru, pelajar-pelajar, para belia dan tidak





lupa juga orang perseorangan yang telah bekerja keras dan memberikan sepenuh komitmen dalam menjayakan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40. Semoga segala sumbangan idea dan tenaga yang dihulurkan akan mendapat ganjaran yang setimpal daripada Allah subhanahu wa taala.

**Kobarkan semangat, kibarkanlah bendera dan gemilangkanlah Hari Kebangsaan kita. Selamat Menyambut Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40.**

**Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad**  
*Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan*  
*Selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi*  
*Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan*  
*Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024*



# فَمَشْهُورَانِ كَبَرٌ دِيكَانِ نَكَارِ بَرُو فِي دَارِ السَّلَامِ لِسَمِّ اَبَدَةِ اَلْحَمَنِ اَلْحَكِيمِ

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ اٰلِهِ وَصَحْبِهِ اَجْمَعِينَ .

**بِهَوَاسِنِ سَكَارِغِ تَلِهَ نَبِيَا مَسِينِ** بَاكِي نَكَارِ بَرُو فِي دَارِ السَّلَامِ مَقْبِلِ اِلَيْهِ سَمُوَلَا تَقُوْهُ مَجْهُوَابِ اِنْتَارَا بَقْسَا دَعْنِ مَجَارَا  
فَوَهَ سَبَاكِي سَبُوَاهُ نَكَارِغِ بَرُو لَهَ لَا بِي مَرْدِيكََا دَكَالْفَنِ مَشَارِكَهَ نَكَارَا اِنْتَارَا بَقْسَا .

**دَانِ بَهَوَاسِنِ نَكَارَا بَرُو فِي دَارِ السَّلَامِ** اِذَا لَهَ تَبْدِيْقُ فَرْهَهَ مَجْهَادِي تَانَهَ جِهَانِ تَنَاقِي مَعْمُوْرَايِ فَرُو بَقِيْنَ . فَرُجْحِيْنِ بِيْغِ  
اِسْتِمُوَادَعْنِ يُوْنَايَتِيْدَهَ كِيْدَمِ مَجُوْ نَاهُوْنِ 1347 دَعْنِ مَانِ كَسِيْدِيْنِ فِدَانَاهُوْنِ 1388 تَلَهَ دَفَسُوْجُوِيْ بَهُوَا فَرُو بَقِيْنَ . لُوَا رِ نَكَرِيْ  
مَجْهَادِي تَقُوْهُ مَجْهُوَابِ كَرِيْمَانِ كِيَاوَهَ دُوْلِيْ بَهْمَا مِلْيَا فَادَكِ سَرِيْ بَكُنْدَا كُوْنِيْنِ بَاكِي يُوْنَايَتِيْدَهَ كِيْدَمِ اُوْفِ كَرِيْمِيْتِ بَرِيْدِيْنِ دَانِ نُوْرُوْنِ اِيْرَانِ .

**دَانِ بَهَوَاسِنِ سَاوُوْ فَرِيْمَتَا نِيْغِ نَكَارِ فَرُو لِمَتَا نِ نَكَرِيْ بَرُو فِي 1959** تَلَهَ دَمَشْهُوْرِيْنِ اُوْلَهَ سُلْطَانِ سَلُوْمِ بِيْتِ بَايَتِ مَوْلَانَا  
سُلْطَانِ سَرْمُوَادَعْنِ سَرْمُوَادِيْنِ سَعِيْدِ اَلْمَجِيْدِيْنِ اَلْمُرْتَضَايْنِ اَبِيْ رَاحِمُوْ سُلْطَانِ مَجِيْدِ اَلْعَالَمِ . سُلْطَانِ دَانِ بَقْلَدَرُوْ نُوْنِ نَكَرِيْ بَرُو فِي  
دَارِ السَّلَامِ بَقْلَدَرُوْ فَوَلَهَ لَا هُنْ دَانِ مَنُوْرِيْتَبَلَهَ كَرِيْمَانِ نَكَارَا اِيْنِ دَسُوْسِيْنِ اِيْ اِدَا لَهَ مَجْهَادِي اُوْنِيْعِغِ . بِيْغِ تَرْتِيْمِيْغِيْ بَاكِي كَرِيْمَانِ نَكَارَا اِيْنِ .

**دَانِ بَهَوَاسِنِ دَعْنِ فَرُجْحِيْنِ فَرُصَا بِيْتِيْنِ دَانِ كِيْجَا مَر 1979** بَقْلَدَرُوْ دِيْوَاتِ دَانْتَارَا بِيْتِ دَعْنِ كِيَاوَهَ دُوْلِيْ بَهْمَا مِلْيَا فَادَكِ سَرِيْ  
بَكُنْدَا كُوْنِيْنِ بَاكِي يُوْنَايَتِيْدَهَ اُوْفِ كَرِيْمِيْتِ بَرِيْدِيْنِ دَانِ نُوْرُوْنِ اِيْرَانِ . دَانِ دَعْنِ فَرُوْ كَارِيْنِ نُوْتَا دَانْتَارَا بِيْتِ دَعْنِ كَرِيْمَانِ كِيَاوَهَ دُوْلِيْ  
بَهْمَا مِلْيَا فَادَكِ سَرِيْ بَكُنْدَا كُوْنِيْنِ مِلْتِ تَلَهَ دَفَسُوْجُوِيْ بَهُوَا اِفْ جُوَا كُوْسِ . كُوْجِيْنِ اُوْتُوْ تَقُوْهُ مَجْهُوَابِ بِيْغِ مَوْنَكِيْنِ دَقْلَقِ اُوْلَهَ  
كَرِيْمَانِ كِيَاوَهَ دُوْلِيْ بَهْمَا مِلْيَا فَادَكِ سَرِيْ بَكُنْدَا كُوْنِيْنِ تَرَهَادَفِ نَكَارَا بَرُو فِي دَارِ السَّلَامِ دِيَاوَهَ سَمُوَا اَرِيْجِيْ . فَرُجْحِيْنِ دَانِ سُوْسِيْنِ  
بِيْغِ تَرَدِ هُوْتُوْ دَانْتَارَا نَكَارَا بَرُو فِي دَارِ السَّلَامِ دَعْنِ يُوْنَايَتِيْدَهَ كِيْدَمِ بِيْغِ بَرْتِنَتَا عُنْ دَعْنِ تَقُوْهُ مَجْهُوَابِ اِنْتَارَا بَقْسَا بِيْغِ سَعْمُوْنِ سَبَاكِي  
سَبُوَاهُ نَكَارِغِ بَرُو لَهَ لَا بِي مَرْدِيكََا هِنْدَقَلَهَ شَمْتِ طُوْ اِفْ هَارِيْ بُوْلُوْنِ دَسِيْمِيْرِ 1983 دَانِ دَعْنِ فَمَتَا نِ اِيْتِ حِيْجِ دَانِ كُوْسِيْدِ لَوَانِ  
بِيْتِ تَرْمَلُوْقِ تَقُوْهُ مَجْهُوَابِ تَرَهَادَفِ اُوْرُوْسِيْنِ . لُوَا رِ نَكَرِيْ اَكِنِ كَمَا لِيْ كَمَدِ بِيْتِ سَبَاكِي سُلْطَانِ دَانِ بَقْلَدَرُوْ نُوْنِ نَكَارَا بَرُو فِي  
دَارِ السَّلَامِ هِنْدِ سَاوُوْ هَارِيْ بُوْلُوْنِ جِنُوَارِيْغِ . سَرْمِيُوْ سَمِيْلِيْنِ رَا نُوْسِ لَا هُنْ فَوَلَهَ اَمْعَتِ .

**مِلْتِ اُوْلَهَ بَقْلَدَرُوْ مَكِيْنِ . دَعْنِ زَا مَر اَللّٰهُ بَهْمَا مَشُوْرَهَ دَانِ بَهْمَا مَقَا سِيْلَهِيْ . بِيْتِ . سُلْطَانِ حَسَنِ الْبَلْفِيْهَ مَعَزِ اَلدِّيْنِ**  
**وَالدَّوْلِيْهَ . سُلْطَانِ دَانِ بَقْلَدَرُوْ دَانِ نَكَارَا سُوْجُوِيْ دَارِ السَّلَامِ سِرْتِ سَكَلِيْنِ جِهَانِيْنِ شَلُوْ قُرِيْتَاوِيْنِ دَانِ قَسِيْدِيْنِ**  
**دَعْنِ اِيْنِ مَشْهُوْرَانِ مَعَا شَهْرَا كِنِ دَعْنِ نَامِ بِيْتِ دَانِ بَاكِي فَيِهَقِ دِرِيْزِيْ بِيْتِ دَانِ بَاكِي فَيِهَقِ قَلْكَلْتِيْ . بِيْتِ دَانِ بَاكِي**  
**فَيِهَقِ رِجْعِيْهَ نَكَارَا بَرُو فِي دَارِ السَّلَامِ بَهُوَا مَوْلَايِ دَرِيْ سَاوُوْ هَارِيْ بُوْلُوْنِ جِنُوَارِيْغِ . سَرْمِيُوْ سَمِيْلِيْنِ رَا نُوْسِ لَا هُنْ فَوَلَهَ**  
**اَمْعَتِ تَاهُوْنِ سَمِيْجِيْ . بَرِيْمَتَا نِ دَعْنِ دِيَاوَهَ فَوَلَهَ نُوْجَهَ هَارِيْ بُوْلُوْنِ رِيْبِ اَلْوَلِ اَلْمَجِيْدِيْ . بِيْغِ مَحْدِ صَلِيْ اَللّٰهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ سَرْمِيُوْ**  
**اَمْعَتِ رَا نُوْسِ اَمْعَتِ بَايَتِ تَاهُوْنِ يَتَقُوْجُوْجَهَ بِلَسِ بِيْتِ دَقْتَسِ حَمْتِ كَرِيْمَانِ . نَكَارَا بَرُو فِي دَارِ السَّلَامِ اِذَا لَهَ دَانِ دَعْنِ اُوْدِيْنِ**  
**سِرْتِ لِيْسَمَعَهَ كُوْنِيْنَا اَللّٰهُ سَمْعَانَهَ وَيَعَالِيْ . اَكِنِ اَسُوْفِ سَلْمَدَانِ كَلِ مَجْهَادِي سَبُوَاهُ نَكَارَا مَلَاوُوْ اِسْلَامِ بَرَا بِيْغِ مَرْدِيْكََا .**  
**بَرُو لَهَ دَانِ دِيْمُوْ قُرَايَتِيْتِ بَرَسِيْدِيْ كِنِ كِنْدِ اَجَارِيْنِ . اَكَامِ اِسْلَامِ مَنُوْرِيْتِ اَهْلِ السَّنَةِ وَالْمَجَا عِيْهِ دَانِ دَعْنِ بَرَا سَاكِنِ كَمَادِيْلِيْنِ**  
**دَانِ اِمَانَهَ دَانِ كِيْجَا مَسِيْنِ . دَانِ دَعْنِ شَهْرُوْقِ سِرْتِ كَرِيْمِيْتَا نِ اَللّٰهُ سَمْعَانَهَ وَيَعَالِيْ جُوَا اَكِنِ سَنَقِيْمِيْنِ بَرَاوَسَا هِنْدِ مَعْرُوْلَهِيْ**  
**كِنْتَرَا مَنِ دَارِ كَسَلَامِيْنِ . كَجِيْجِيْ كِنِ سِرْتِ كَهْمَلِيَانِ بَاكِي رِجْعِيْهَ بِيْتِ . دَانِ دَمَكِيْنِ جُوْكِيْتِ قَطْلَهَا دَانِ فَرُو بَقِيْنَ فَرُصَا بِيْتِيْتِ**  
**دَكَالْفَنِ اِنْتَارَا بَقْسَا اَلْحَسِ دَا سَرْمَا لِيْغِ مَطْرُمَا يِيْ تَرَهَادَفِ كَمَرُوْ بِيْتَا نِ . كِنْدِ لَوَانِ . فَرَسْمَانِ دَانِ كَاوُوْ تُوْمَنِ ( كُوْكُوْهَ ) وَلا يَهَ بَاكِي**  
**سَمُوَا نَكَارَا بِيْغِ بِيْجِيْسِ دَرِيْجِ مَجْهُوْرِيْتَا عُنْ دَرِيْجِ لُوَا رِ نَكَرِيْ .**

بَرَا بِيْغِ دَرَجَاتِيْ اَللّٰهُ سَمْعَانَهَ وَيَعَالِيْ دَانِ دِرِكَا بِيْغِيْ مَحْدِ صَلِيْ اَللّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اَكِنِ نَكَارَا بَرُو فِي دَارِ السَّلَامِ حَكَلِ سَلْمَدَانِ .  
اَمِيْنِ يَا رَبِّ الْعَالَمِيْنَ .

كيَاوَهَ دُوْلِيْ بَهْمَا مِلْيَا فَادَكِ سَرِيْ بَكُنْدَا سُلْطَانِ  
دَانِ بَقْلَدَرُوْ نُوْنِ نَكَارَا بَرُو فِي دَارِ السَّلَامِ



دَمَشْهُوْرِيْنِ دِيْمَدَرِ سَرِيْ بَكَاوْنِ فَرَسَاوُوْ هَارِيْ بُوْلُوْنِ جِنُوَارِيْغِ . سَرْمِيُوْ سَمِيْلِيْنِ رَا نُوْسِ لَوَانِ فَوَلَهَ اَمْعَتِ تَاهُوْرِيْ سَمِيْجِيْ .  
بَرِيْمَانِ دَعْنِ دِيَاوَهَ نُوْجَهَ رِيْبِ اَلْوَلِ . مَجْمُوْعَهَ بِيْغِيْ مَحْدِ صَلِيْ اَللّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سَرْمِيُوْ اَمْعَتِ رَا نُوْسِ اَمْعَتِ بَايَتِ تَاهُوْنِ  
تَقُوْجُوْجَهَ بِلَسِ بِيْتِ دَانِ حَمْتِ كَرِيْمَانِ نَكَارَا بَرُو فِي دَارِ السَّلَامِ .



## Pemashhoran Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam Bismillahir Rahmanir Rahim.

*Alhamdulillah Rabbil 'Alamin, Wassalamu Wassalamu Ala Sayidina Muhammad Wa'ala Alihi  
Wassalimul Ajjalain.*

**BAHAWASA-NYA** selanjut telah tiba masa-nya bagi Negara Brunei Darussalam mengambil alih semula tanggung-jawab antarabangsa dengan sa-chaara penuh sebagai sa-buah Negara yang berdaulat lagi merdeka di-kalangan masyarakat negara antarabangsa.

**DAN BAHAWASA-NYA** Negara Brunei Darussalam ada-lah tidak pernah menjadi tanah jajahan tetapi mempunyai perhubungan2 perjanjian yang pertama dengan United Kingdom sejak tahun 1847 dengan mana kemudiannya pada tahun 1888 telah di-persetujui bahawa perhubungan2 luar negeri menjadi tanggung-jawab Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen bagi United Kingdom of Great Britain dan Northern Ireland.

**DAN BAHAWASA-NYA** pada Perlembagaan yang di-gelar Perlembagaan Negeri Brunei, 1959 telah di-mahkamahkan oleh Sultan sa-belum Beta sa-itu Maulana Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa-adul Khairi Waddauli ibni Al-Martum Sultan Muhammad Jamuful Alam, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei Darussalam yang ka-dua puluh lapan dan menurut-nya-lah Kerajaan Negara ini di-susun dan sa-ada-lah menjadi Ulangan2 yang tertinggi bagi Kerajaan Negara ini.

**DAN BAHAWASA-NYA** dengan Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama, 1979 yang telah di-buat di-antara Beta dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen bagi United Kingdom of Great Britain dan Northern Ireland dan dengan Pertukaran Nota di-antara Beta dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen maka telah di-persetujui bahawa apa jua kuasa, kewajiban atau tanggung-jawab yang mungkin di-pegang oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen terhadap Negara Brunei Darussalam di-bawah semua title, perjanjian dan susunan yang terdahulu di-antara Negara Brunei Darussalam dengan United Kingdom yang bertentangan dengan tanggung-jawab antarabangsa yang sa-penuh-nya sa-bagai sa-buah negara yang berdaulat lagi merdeka hendak-lah timat pada 31 Disember 1983 dan dengan penamatan itu hak dan kuasa Kedaulatan Beta termasuk tanggung-jawab terhadap urusan2 luar negeri akan kembali kepada Beta sebagai Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Satu hari-hulan Januari, Seribu Sembilan Ratus Lapan Puluh Empat.

**MAKA OLEH YANG DEMIKIAN** dengan nama Allah Yang Maha Pemurah dan Yang Maha Mengasihani, Beta, Sultan Hassanul Bakhil Mu'izzaddin Waddauli, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta sekalian Jajahan Tak-tak Rantau dan Pehir-nya, DENGAN INI MEMASHHOR DAN MEMONSTIRAHKAN dengan nama Beta dan bagi pehak diri Beta dan bagi pehak Peggaman2 Beta dan bagi pehak rakyat Negara Brunei Darussalam bahawa mulai dari Satu hari-hulan Januari, Seribu Sembilan Ratus Lapan Puluh Empat Tahun Masehi, bersamaan dengan Dua Puluh Tujuh hari-hulan Rabiulawal, Hijrah Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam Seribu Empat Ratus Empat la-itu Tahun yang ka-Tujuh Belas Beta di-atas Takhta Kerajaan, Negara Brunei Darussalam ada-lah dan dengan izin serta limpah kurnia Allah Subhanahu Wata'ala, akan untuk sa-lama2-nya kekal menjadi sa-buah Negara Melayu Islam Beraja yang Merdeka, Berdaulat dan Demokratik bersendikan kepada ajaran2 Agama Islam menurut Afdal Sunnah Wajjamaah dan dengan berasaskan keadilan dan amanah dan kebebasan, dan dengan petunjuk serta kerredaan Allah Subhanahu Wata'ala jua akan sentiasa berusaha pada memperolehi ketenteraman dan keselamatan, keadilan serta kebahagiaan bagi rakyat Beta, dan demikian juga pemeliharaan perhubungan persahabatan di-kalangan antarabangsa atas dasar saling mengormati terhadap kemerdekaan, kedaulatan, persamaan dan kerufahan (kukuh) wilayah bagi semua negara yang bebas dari campur tangan dari luar negeri.

Berang di-rahmati Allah Subhanahu Wata'ala dan di-berhati Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam akan Negara Brunei Darussalam kekal sa-lama2-nya. Amin Ya Rabbal 'Alamin.



KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI  
BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

*Di-mahkamahkan di-Bandar Seri Begawan pada Satu hari-hulan Januari, Seribu Sembilan Ratus Lapan Puluh Empat Tahun Masehi, bersamaan dengan Dua Puluh Tujuh hari-hulan Rabiulawal, Hijrah Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam Seribu Empat Ratus Empat la-itu Tahun yang ka-Tujuh Belas Beta di-atas Takhta Kerajaan Negara Brunei Darussalam.*



# Proclamation of Independence Brunei Darussalam

*In the Name of Allah, the Compassionate, the Merciful*

PRAISE be to Allah, the Lord of the Universe and may the benediction and peace of Allah be upon Our Leader Prophet Muhammad and upon all his Relations and Friends.

WHEREAS the time has now arrived when Brunei Darussalam will resume full international responsibility as a sovereign and independent Nation among the international community of nations;

AND WHEREAS Brunei Darussalam has never been a colony but had since 1847 a special treaty relationship with the United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland whereby in 1888 it was agreed that external relations were the responsibility of the Government of Her Majesty the Queen of the United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland;

AND WHEREAS a Constitution of the State of Brunei, 1959 was proclaimed by Our Predecessor Maulana Sultan Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam, the twenty-eighth Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam in accordance with which the Government of this Nation is regulated and is the supreme law thereof;

AND WHEREAS by the Treaty of Friendship and Co-operation, 1979 made between Us and Her Majesty the Queen of the United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland and by the Exchange of Notes between Us and Her Britannic Majesty's Government it was agreed that whatever powers, obligations or responsibility Her Britannic Majesty's Government may have in respect of Brunei Darussalam under all previous treaties, agreements and arrangements between Brunei Darussalam and the United Kingdom which were inconsistent with full international responsibility as a sovereign and independent nation shall terminate on 31 December 1983 and upon such termination all the rights and powers of Our Prerogatives including the responsibility for external relations shall revert to Us as the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam on the First day of January, Nineteen Hundred and Eighty-Four.

NOW THEREFORE in the name of Allah, the Compassionate, the Merciful, We, Sultan Hassanal Bolkiah, Mu'izzaddin Waddaulah, The Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam and Her Territory and all Her Dependencies, do HEREBY PROCLAIM AND DECLARE in Our name and on Our behalf and for and on behalf of Our Successors and for and on behalf of the people of Brunei Darussalam that as from the First day of January, Nineteen Hundred and Eighty-Four of the Christian era, corresponding to the Twenty-Seventh day of Rabiulawal, the Hijrah of Prophet Muhammad (on Whom be the benediction and peace of Allah) Fourteen Hundred and Four being the Seventeenth Year of Our reign, Brunei Darussalam is and with the blessing of Allah (to Whom be praise and Whose name be exalted) shall be for ever a sovereign, democratic and independent Malay Muslim Monarchy upon the teachings of Islam according to Ahlus Sunnah Waljamaah and based upon the principle of liberty, trust and justice and ever seeking with the guidance and blessing of Allah (to Whom be praise and Whose name be exalted) the peace and security, welfare and happiness of Our people and the maintenance of friendly relations among nations on the principle of mutual respect for the independence, sovereignty, equality and territorial integrity of all nations free from external interference.

May Allah, to Whom be praise and Whose name be exalted and may the Prophet Muhammad (on Whom be the benediction and peace of Allah) grant his blessing to Brunei Darussalam, for ever and ever. Amen! O Lord of the Universe!



THE MAJESTY  
THE SULTAN AND YANG DI-PERTUAN  
BRUNEI DARUSSALAM


Proclaimed at Bandar Seri Begawan this First day of January, One Thousand Nine Hundred and Eighty-Four of the Christian era, corresponding to the Twenty-Seventh day of Rabiulawal, the Hijrah of the Prophet (on Whom be the benediction and peace of Allah) Fourteen Hundred and Four being the Seventeenth Year of Our reign.



# *Upacara Menaikkan Bendera Besar*

Jumaat

6 Syaaban 1445 • 16 Februari 2024  
Kawasan Lapang, Kompleks Yayasan  
Sultan Haji Hassanah Bolkhiah,  
Bandar Seri Begawan







# *Atur Cara Majlis Kesyukuran*

Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah,  
Membaca Surah Yasin dan Doa Kesyukuran

Khamis (Malam Jumaat), 13 Syaaban 1445 🌞 22 Februari 2024

**Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan**

**5.45 petang** : Jawatankuasa dan orang ramai hadir.

**6.00 petang** : Pembesar-pembesar Negara hadir.

**6.25 petang** : **Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta Kerabat Diraja dijunjung oleh Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024.**

**6.34 petang** : **Azan Fardu Maghrib oleh:**  
Yang Mulia Begawan Mudim Haji Amran bin Haji Mohd. Salleh,  
Pegawai Masjid, Masjid Omar 'Ali Saifuddien,  
Bandar Seri Begawan.

: **Sembahyang Fardu Maghrib diimamkan oleh:**  
Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama  
Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji  
Besar.

: **Surah-surah yang akan dibaca:**  
Rakaat Pertama Surah Al-Fatihah dan Surah Al-Falaq.  
Rakaat Kedua Surah Al-Fatihah dan Surah An-Naas.

- : Sembahyang Sunat Ba‘diah.
- : **Sembahyang Sunat Hajat diimamkan oleh:**  
Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.
- : **Bacaan Surah Yasin dipimpin oleh:**  
Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.
- : **Bacaan Doa Kesyukuran oleh:**  
Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.
- : **Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu‘izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta Kerabat Diraja berangkat meninggalkan majlis.**

# *Atur Cara Upacara Perhimpunan Agung*

Sabtu, 14 Syaaban 1445 🌸 24 Februari 2024

## **Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas**

- 7.45 pagi** : Para peserta dan Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja bersedia.
- 8.00 pagi** : Para jemputan hadir.
- 8.30 pagi** : Ketibaan Orang-orang Kenamaan dan para jemputan khas.

### **UPACARA KEBERANGKATAN**

- 8.50 pagi** : Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Salleh Ab Rahaman serta Kerabat Diraja.
- 9.00 pagi** : **Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam.**
  - : Hormat Diraja diikuti dengan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, "Allah Peliharakan Sultan".
  - : Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung berangkat memeriksa Pasukan Perbarisan Kawalan Kehormatan.

- : Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung berangkat semula ke Pentas Diraja.
- : Pasukan Perbarisan Kawalan Kehormatan keluar dari Stadium Negara Hassanah Bolkiah, Berakas.

### **UPACARA PERSEMBAHAN DAN PERBARISAN LALU**

- : Upacara persembahan dan perbarisan lalu di hadapan pentas secara berselang-seli yang didahului dengan Persembahan Cita Bangsa Sejarah Terukir dan perbarisan lalu daripada Kepala Perbarisan dan Pasukan Beruniform serta Sektor Awam, seterusnya diikuti oleh Persembahan Bersatu Mempertahankan Bangsa dan perbarisan lalu daripada Kumpulan Pendidikan, Persatuan dan Swasta.
- : Lafaz Ikrar Hari Kebangsaan.
- : Laungan Takbir "Allahuakbar" sebanyak tiga kali.
- : Persembahan Tema "Bersatu Mencapai Cita Negara".

### **UPACARA KEBERANGKATAN BALIK**

- : Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, "Allah Peliharakan Sultan" dan Terbang Lalu.
- : Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam serta Kerabat Dirabat berangkat meninggalkan majlis.
- : Majlis bersurai.

# *Atur Cara Upacara Perhimpunan Agung*

(Jika Hujan Ringan)

Sabtu, 14 Syaaban 1445 ☀️ 24 Februari 2024

**Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas**

**8.30 pagi** : Jika hujan ringan, Upacara Perhimpunan Agung ditangguhkan.

**9.00 pagi** : Jika hujan berhenti, Upacara Perhimpunan Agung diteruskan.

## **UPACARA KEBERANGKATAN**

**9.20 pagi** : Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Salleh Ab Rahaman serta Kerabat Diraja.

**9.30 pagi** : **Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam.**

: Hormat Diraja diikuti dengan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, "Allah Peliharakan Sultan".

: Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung berangkat memeriksa Pasukan Perbarisan Kawalan Kehormatan.

- : Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung berangkat semula ke Pentas Diraja.
- : Pasukan Perbarisan Kawalan Kehormatan keluar dari Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

### **UPACARA PERSEMBAHAN DAN PERBARISAN LALU**

- : Upacara persembahan dan perbarisan lalu di hadapan pentas secara berselang-seli yang didahului dengan Persembahan Cita Bangsa Sejarah Terukir dan perbarisan lalu daripada Kepala Perbarisan dan Pasukan Beruniform serta Sektor Awam, seterusnya diikuti oleh Persembahan Bersatu Mempertahankan Bangsa dan perbarisan lalu daripada Kumpulan Pendidikan, Persatuan dan Swasta.
- : Lafaz Ikrar Hari Kebangsaan.
- : Laungan Takbir "Allahuakbar" sebanyak tiga kali.
- : Persembahan Tema "Bersatu Mencapai Cita Negara".

### **UPACARA KEBERANGKATAN BALIK**

- : Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, "Allah Peliharakan Sultan" dan Terbang Lalu.
- : Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam serta Kerabat Diraja berangkat meninggalkan majlis.
- : Majlis bersurai.

# *Atur Cara Upacara Perhimpunan Agung*

(Jika Hujan Lebat)

Sabtu, 14 Syaaban 1445 ☀️ 24 Februari 2024

## **Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas**

- 8.30 pagi : Jika hujan lebat, Upacara Perhimpunan Agung ditangguhkan.
- 9.00 pagi : Jika hujan lebat, Upacara Perhimpunan Agung ditangguhkan.
- 9.30 pagi : Jika hujan berhenti, Upacara Perhimpunan Agung diteruskan.

### **UPACARA KEBERANGKATAN**

- 9.50 pagi : Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Salleh Ab Rahaman serta Kerabat Diraja.
- 10.00 pagi : **Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam.**
  - : Hormat Diraja diikuti dengan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, "Allah Peliharakan Sultan".
  - : Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung berangkat memeriksa Pasukan Perbarisan Kawalan Kehormatan.

- : Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung berangkat semula ke Pentas Diraja.
- : Pasukan Perbarisan Kawalan Kehormatan keluar dari Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

### **UPACARA PERSEMBAHAN DAN PERBARISAN LALU**

- : Upacara persembahan dan perbarisan lalu di hadapan pentas secara berselang-seli yang didahului dengan Persembahan Cita Bangsa Sejarah Terukir dan perbarisan lalu daripada Kepala Perbarisan dan Pasukan Beruniform serta Sektor Awam, seterusnya diikuti oleh Persembahan Bersatu Mempertahankan Bangsa dan perbarisan lalu daripada Kumpulan Pendidikan, Persatuan dan Swasta.
- : Lafaz Ikrar Hari Kebangsaan.
- : Laungan Takbir "Allahuakbar" sebanyak tiga kali.
- : Persembahan Tema "Bersatu Mencapai Cita Negara".

### **UPACARA KEBERANGKATAN BALIK**

- : Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, "Allah Peliharakan Sultan" dan Terbang Lalu.
- : Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam serta Kerabat Diraja berangkat meninggalkan majlis.
- : Majlis bersurai.



# Logo



Reka Bentuk  
Awang Mohammad Faiz  
bin Haji Morshidi



## Huraian Logo

Logo ini berasaskan keris dan dastar sebagai lambang kemegahan, ketuanan dan kedaulatan bangsa. Senjata ikonik dan penuh makna ini juga menjadi lambang kebesaran pemerintahan beraja. Ia mencerminkan kesetiaan dan kesungguhan orang Brunei dalam “**BERSATU MENCAPAI CITA NEGARA**”.



**Dastar “Sapu-Sapu Aing”** merupakan perhiasan kepala bagi lelaki yang menjadi lambang kegagahan dan kepimpinan. Warna kuning melambangkan kesetiaan dan kesediaan mempertahankan sistem pemerintahan beraja.



**Panji-panji** Negara Brunei Darussalam ialah lambang kesatuan orang Brunei dalam mencapai matlamat pembangunan negara-bangsa.

Dastar dan panji-panji terletak di atas melambangkan kepentingan kepimpinan, kesetiaan dan kesatuan serta sistem pemerintahan beraja yang disanjung tinggi.



**Sarung keris berbentuk angka 40 dalam aksara Jawi dan Rumi** ialah pernyataan bahawa negara sudah merdeka selama 40 tahun. Warna kuning melambangkan institusi beraja yang disanjung tinggi dan dipertahankan. Reka bentuk angka 40 dalam aksara Rumi berinspirasi Jambatan Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddin, sebagai manifestasi kemajuan Negara Brunei Darussalam yang merdeka selama 40 tahun di bawah pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu‘izzaddin Waddaulah.



**Utap** melambangkan perlindungan dan keselamatan. Negara Brunei Darussalam akan tetap menyediakan perlindungan dan keselamatan kepada rakyatnya, sesuai dengan slogan “Hidup Sentosa Negara dan Sultan” dengan izin Allah subhanahu wa taala.



**Pamur keris** berbentuk *helix* berlekung tiga, menandakan cita-cita negara, iaitu Matlamat Wawasan Brunei 2035, yang memerlukan kita bersatu padu untuk mencapainya. Warna hijau melambangkan agama Islam sebagai teras perundangan dan panduan dalam kehidupan.



## Huraian Tema

# “Bersatu Mencapai Cita Negara”

Keutuhan solidariti orang Brunei menempuhi sejarah yang penuh cabaran mencerminkan semangat patriotisme, ketahanan dan tekad untuk menjaga kedaulatan, keamanan, kesejahteraan dan keutuhan negara-bangsa. Tema “BERSATU MENCAPAI CITA NEGARA” menjurus kepada semangat kebangsaan, kemerdekaan dan aspirasi pembangunan negara. Brunei telah lama mencipta landasan untuk mencapai cita-cita negara. Dengan adanya keutuhan dan kekuatan nilai dan amalan orang Brunei, insya-Allah akan menjamin kelangsungan hidup beraja, bernegara dan bermasyarakat menuju *بَلَدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبٌّ غَفُورٌ* (Negara yang aman makmur dan Tuhan Maha Pengampun).

### Kata Kunci Utama

**Bersatu:** Merujuk kepada konsep bersatu padu sebagai satu negara-bangsa, menunjukkan pentingnya kesepaduan antara pemimpin, masyarakat dan rakyat. Kebersamaan sebagai kekuatan utama dalam menghadapi cabaran dan mencapai matlamat.

**Mencapai:** Menyoroti tindakan dan berusaha aktif secara berterusan untuk mencapai tujuan dan cita-cita negara. Ini menggambarkan komitmen untuk bergerak maju mengatasi rintangan dalam perjalanan pembangunan, menggunakan ilmu dan kepakaran serta sentiasa berusaha memperbaiki kaedah dan cara bertindak maju dalam memanfaatkan kemajuan ilmu dan teknologi.

**Cita:** Menggarisbawahi pentingnya cita-cita dan aspirasi negara selaras dengan Wawasan Brunei 2035 dan Negara Zikir yang mencakupi nilai-nilai seperti keadilan, kemakmuran, kesejahteraan, pembangunan, berdaya tahan, serta kekal dalam berkat dan perlindungan Allah subhanahu wa taala. Berwawasan luas, jauh ke hadapan berlatarbelakangkan nilai dan akal budi orang Brunei.


**Negara:** Menyatakan fokus kepada pembangunan negara yang menyeluruh. Mempertahankan pemerintahan beraja sebagai asas bernegara. Menghayati dan menyertai proses pembangunan pada peringkat individu, keluarga, masyarakat dan negara yang mencakupi ruang lingkup politik, ekonomi dan sosiobudaya berlandaskan falsafah Melayu Islam Beraja.

### Kesimpulan

Tema ini mengingatkan betapa pentingnya kerjasama dengan Pendekatan Senegara untuk kemajuan negara dan keselamatan dunia dan akhirat. Kemerdekaan dan kedaulatan negara Melayu Islam Beraja, insya-Allah, akan sentiasa terpelihara.

Huraian Tema oleh:

**Tim Kreatif**



## *Syair Karya Muda Omar 'Ali Saifuddien*

*Membangun negara supaya makmur,  
Walaupun menimbun bangsa bercampur,*

*\* Bangsa masyarakat mudahan lipur,  
\* Negara Brunei harus termasyhur.*

*(Perlembagaan Negeri Brunei, 2014: 70)*

*Kenangan dicinta harus tercapai,  
Saudara sebangsa hendaknya berdamai,*

*\* Menjalankan pekerjaan berhati marmai,  
\* Akan terkenal negara yang permai.*

*(Perlembagaan Negeri Brunei, 2014: 95)*

*Bumi tumpahan darah segumpal,  
Carik dan retas tambal menambal,*

*\* Bangsa masyarakat genggam sekepal,  
\* Itulah dia kota yang tebal.*

*(Syair Kenangan, 2014: 38)*



# 39

Sambutan Ulang Tahun  
**Hari Kebangsaan**  
Negara Brunei Darussalam  
Ke-39, Tahun 2023  
022 Januari / 23 Februari 2023





*Pasukan  
Pembaca Ikrar 2023*

# اقرار هاري کبشسان

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

دغن برشکور ۱ اتس لیمقه دان کورنیا ۱ الله سبحانه وتعالی ۱ بیغ منتقدیرکن کای ۱  
برنگارامردیک ۱ قنوه برداولت ۱ یایت ۱ نگارابرونی دارالسلام ۱  
مک کای براقرار ۱ اکن برساتوقادو ۱ دن منومشوکن ۱ طاعة ستیا ۱  
دباوه قیحمین ۱ کباوه دولی یثما ملیا ۱ قادک سری بکن اسلطان ۱  
دان یغد قرتوان ۱ نگارابرونی دارالسلام ۱

مقرتا هنکن ۱ دان منیونجوش ۱ دغن ستیا ۱  
سباکای نگاراملایو اسلام براج ۱ بیغ مردیک ۱ برداولت ۱  
دان دیموکراتیک ۱ برسندیکن کعقد ۱ اجرن اکام اسلام ۱  
منوروت اهل السنة والجماعة ۱ سباکای چارامیدوق بیغ لغکف ۱

بریتی ۱ دان ریلا برقرمان ۱ قد مقرتا هنکن مرواه ۱  
دان کداولتن ۱ سرتا علیهارا ۱ کآمان ۱ دان کسلامتن ۱  
مندوکوغ نیلای اخلاق ۱ بیغ سمقورنا ۱ سرتا طاعة ۱ دان منیونجوش ۱  
کلومورن اوندغ . اوسدغن ۱

بکر جادغن کیکیه ۱ جو جورلاکی امانه ۱ قد منیغککن کاجوان ۱ دان کعمورتن ۱  
بیغ درینای اولیه الله .

# Ikrar

## *Hari Kebangsaan*

### *Bismillahir Rahmanir Rahim*

Dengan bersyukur † atas limpah dan kurnia †  
Allah subhanahu wa taala † yang mentakdirkan kami †  
bernegara merdeka † penuh berdaulat † iaitu †  
Negara Brunei Darussalam † maka kami berikrar †  
akan bersatu padu † dan menumpukan †  
taat setia † di bawah pimpinan †  
Kebawah Duli Yang Maha Mulia † Paduka Seri Baginda Sultan †  
dan Yang Di-Pertuan † Negara Brunei Darussalam †

Mempertahankan † dan menjunjungnya † dengan setia †  
sebagai Negara Melayu Islam Beraja † yang merdeka † berdaulat †  
dan demokratik † bersendikan kepada † ajaran-ajaran agama Islam †  
menurut ahli sunah waljamaah † sebagai cara hidup yang lengkap †

Berbakti † dan rela berkorban † pada mempertahankan maruah †  
dan kedaulatannya † serta memelihara † keamanan †  
dan keselamatannya † mendukung nilai-nilai akhlak †  
yang sempurna † serta taat † dan menjunjung †  
keluhuran undang-undangnya †

Bekerja dengan gigih † jujur lagi amanah †  
pada meningkatkan kemajuan † dan kemakmurannya †  
yang direcai oleh Allah.







## *Profil Pembaca Ikrar*



**Yang Mulia Awang Amirolmukmenin bin Haji Omar**, pembaca utama ikrar Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024, berusia 33 tahun dan bertugas sebagai Pegawai Penjara, Ketua Seksyen Kawalan dan Operasi di Penjara Maraburong Fasa III, Jabatan Penjara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Latar belakang pendidikan

beliau ialah National Computing Centre International Diploma dalam bidang Komputer di Micronet International College pada tahun 2013.

Kebolehan dan bakat beliau dikenal pasti oleh pelbagai organisasi, hingga berjaya meraih beberapa pencapaian besar. Antaranya, menerima anugerah Pegawai Kadet Terbaik Keseluruhan Pengambilan 1/2020; diiktiraf sebagai Top Performer Perbankan HSBC (2010); Juara dalam Pertandingan Robotech (2007); dan Juara dalam Perlawanan Bola Sepak Piala Duta Jepun (2004). Selain itu, pernah mewakili Negara Brunei Darussalam menghadiri International Children's Culture and Art Festival di Tianjin China (2006); dan membentangkan kertas kerja bagi pihak Jabatan Penjara, Negara Brunei Darussalam di Asean Regional Correctional Conference (ARCC) di Langkawi, Malaysia.

Beliau turut bergiat aktif mengikuti pelbagai jenis kegiatan seperti Pertandingan Robotech (2006); Olympic Day Run (2008); Larian Brunei Half Marathon (2008); Pesta Sukan Kebangsaan (2010); Larian Hari Kebangsaan (2011 dan 2013); Larian Bandar (2012); Walk Run Cycle (2012); mengikuti rancangan MOU RTB/RTM (2015); persembahan padang sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan (2006); dan perbarisan lalu sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan (2007, 2020, 2021, 2022 dan 2023).

Beliau juga diberikan kepercayaan untuk menggalas tanggungjawab sebagai Setiausaha Kebajikan bagi Kelab Kebajikan dan Sukan (2022 – 2023) dan Setiausaha Sukan di bawah Kelab Kebajikan dan Sukan, Jabatan Penjara (2024 – 2025).

## Pasukan Pembaca Ikrar Ke-40 Pertama



\* **Jabatan Perdana Menteri** \* Yang Mulia Awang Mohammad Marzuqi bin Sabtu ♦ Yang Mulia Awang Muhammad Nasrullah bin Haji Murni ♦ Yang Mulia Awang Mohammad Naquiuddin bin Haji Ismail ♦ Yang Mulia Awang Muhammad Najib bin Asri ♦ Yang Mulia Awang Muhammad Fathullah Harrith bin Abdullah Peranchis ♦ Yang Mulia Dayangku Azrin Azreena binti Pengiran Haji Rakawi ♦ Yang Mulia Dayang Hajah Siti Norhafizah binti Haji Simpol ♦ Yang Mulia Dayang Kamilah binti Awang Mohamad \* **Kementerian Kewangan dan Ekonomi** \* Yang Mulia Awang Saiful Ariffin bin Haji Musa ♦ Yang Mulia Awang Muhammad Mamduh bin Haji Yusop ♦ Yang Mulia Dayang Farah Dibba binti Abu Kassim ♦ Yang Mulia Dayang Aisyah Amira binti Yandi \* **Kementerian Pertahanan** \* Yang Mulia Awang Muhd. Imanuddin bin Haji Ahmad \* **Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri** \* Yang Mulia Awang Muhammad Nazirul Mubin bin Haji Awang Kaprawi ♦ Yang Mulia Dayang Ilyana Nadhirah binti Md. Wafiuddin Wa'ie \* **Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri** \* Yang Mulia Awang Muhammad Nur Al-Hafiz bin Haji Hamidi ♦ Yang Mulia Awang Amirul Hadi bin Haji Junaidi ♦ Yang Mulia Awang Amirolmukmenin bin Haji Omar ♦ Yang Mulia Dayangku Seri Liyana binti Pengiran Haji Aji ♦ Yang Mulia Dayangku Khairunnadhirah binti Pengiran Kamsani \* **Kementerian Pendidikan** \* Yang Mulia Awang Muhammad Arif bin Haji Ebil ♦ Yang Mulia Awang Asnawi bin Haji Mohd. Salleh ♦ Yang Mulia Dayang Sarinah binti Ziziumiza \* **Kementerian Kesihatan** \* Yang Mulia Awang Muhammad Marzrol Hashman bin Marzali ♦ Yang Mulia Awang Muhammad Adib Qamalul Azri bin Azmi ♦ Yang Mulia Dayang Noor Adlyaini @ Adly binti Awang Haji Ellmi ♦ Yang Mulia Dayang Haifa Hamizah binti Haji Rosli ♦ Yang Mulia Dayangku Fathin Nabilah binti Pengiran Haji Damit \* **Kementerian Hal Ehwal Ugama** \* Yang Mulia Awang Amirul Fikri bin Hamdan ♦ Yang Mulia Dr. Dayang Ajeerah binti Haji Ismail ♦ Yang Mulia Dayang Nurzaidah binti Harun \* **Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan** \* Yang Mulia Awang Muhammad Haaziq Kamal bin Haji Brahim ♦ Yang Mulia Awang Haji Muhammad Taib bin Haji Kepli \* **Kementerian Pembangunan** \* Yang Mulia Awang Muhamad Faiz bin Haji Mohamat



Hata \* **Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi** \* Yang Mulia Awang Teo Zhi Peng ♦ Yang Mulia Dayang Siti Noorlizawati binti Haji Metussin \* **Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan** \* Yang Mulia Dayangku Siti Naqibah Wafiqah binti Pengiran Amimaruddin ♦ Yang Mulia Dayangku Noratul Ain binti Pengiran Musa ♦ Yang Mulia Dayang Syifa Syaheerah binti Haji Abu Hanifah ♦ Yang Mulia Dayang Amal Wahidah binti Adanan ♦ Yang Mulia Dayang Siti Nurfatin Sumarni binti Haji Sulaiman \* **Universiti Teknologi Brunei** \* Yang Mulia Dayang Siti Rafhanah binti Haji Nor Hasnul \* **Ahli Persatuan Brunei Darussalam National Association of the Blind** \* Yang Mulia Awang Mohammad Hakim Imanuddin bin Asarwih \* **Pusat Bahagia Tutong** \* Yang Mulia Dayang Jauwidah binti Metusin.

## Pasukan Pembaca Ikrar Ke-40 Kedua



\* **Jabatan Perdana Menteri** \* Yang Mulia Awang Muhammad Ali Shuif bin Haji Md. Yusuf (*HK-32, Tahun 2016*) ♦ Yang Mulia ASP Pengiran Azlan Shah bin Pengiran Haji Ahmad (*HK-34, Tahun 2018*) ♦ Yang Mulia Dayang Hasmilah binti Ismail (*HK-31, Tahun 2015*) \* **Kementerian Pertahanan** \* Yang Mulia Dayang Hajah Siti Noor Wardah Musfirah binti Haji Metussin \* **Kementerian Pendidikan** \* Yang Mulia Awang Mohd. Khairul Nazif bin Haji Awang Damit (*HK-33, Tahun 2017*) ♦ Yang Mulia Awang Haji Mohammad Alimin bin Haji Matyassin (*HK-35, Tahun 2019*) ♦ Yang Mulia Awang Shahrul Amni bin Haji Kassim (*HK-35, Tahun 2019*) ♦ Yang Mulia Dr. Awang Deeni Rudita bin Idris (*HK-38, Tahun 2022*) ♦ Yang Mulia Dayang Sarina binti Hasnal ♦ Yang Mulia Dayang Rostini @ Nur Sajidah binti Haji Mohiedin ♦ Yang Mulia Dayang Hajah Zatur Rawihah binti Haji Rusli (*HK-36, Tahun 2020*) ♦ Yang Mulia Dayang Nazurah binti Abdullah (*HK-37, Tahun 2021*) ♦ Yang Mulia Pengiran Nurul Hida Elenna binti Pengiran Haji Hamlin (*HK-37, Tahun 2021*) \* **Kementerian Kesihatan** \* Yang Mulia Pengiran Haji Mohd. Raizul Amir bin Pengiran Haji Idros ♦ Yang Mulia Awang Saifuddin bin Haji Bagol (*HK-33, Tahun 2017*) ♦ Yang Mulia Dayangku Hajah Adawiyah binti Pengiran Dato Paduka Haji Jaberudin \* **Kementerian Hal Ehwal Ugama** \* Yang Mulia Awang Mohamad Zul-Hafiz bin Awang Tengah ♦ Yang Mulia Awang Haji Muhammad Khairul Nizam bin Haji Mohd. Said (*Pembaca Utama HK-20, Tahun 2004*) \* **Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri** \* Yang Mulia Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin

Pengiran Haji Hasim (HK-33, Tahun 2017) ♦ Yang Mulia Pengiran Azizul Rahman bin Pengiran Haji Yusop (HK-34, Tahun 2018) ♦ Yang Mulia Dayang Siti Amal Rasyidah binti Ibrahim (HK-31, Tahun 2015) ♦ Yang Mulia Dayang Wahidah binti Wahid (HK-35, Tahun 2019) \* **Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan** \* Yang Mulia Pengiran Mohd. Abdul Bashid bin Pengiran Hussin (HK-34, Tahun 2018) \* **Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan** \* Yang Mulia Awang Haji Khairul Bahrin bin Haji Durahman (*Pembaca Utama HK-26, Tahun 2010*) ♦ Yang Mulia Dayang Hajah Siti Shamsiah binti Haji Sajali ♦ Yang Mulia Dayang Hajah Salina binti Abdullah ♦ Yang Mulia Dayang Norhensan binti Awang Haji Mataha (HK-34, Tahun 2018) ♦ Yang Mulia Dayang Rosdiah binti Bahrin (HK-37, Tahun 2021) \* **Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei** \* Yang Mulia Awangku Muhammad Nazih bin Pengiran Yusof (HK-35, Tahun 2019) \* **Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD)** \* Yang Mulia Pengiran Muhd. Khairul Anwar bin Pengiran Haji Muhd. Salleh Chuchu ♦ Yang Mulia Dayang Hajah Siti Mayshara binti Haji Md. Yusof \* **Brunei Shell Marketing (BSM)** \* Yang Mulia Awang Mohd. Faizul bin Ambotang ♦ Yang Mulia Dayangku Amal Nurul Khadijah binti Pengiran Haji Ahmad \* **Darussalam Enterprise (DARe)** \* Yang Mulia Dayang Hajah Shazwani binti Dato Paduka Haji Mohd. Nor \* **Brunei Shell Petroleum (BSP)** \* Yang Mulia Awang Md. Shahnuddin bin Haji Emran ♦ Yang Mulia Dayang Yusbazillah binti Haji Md. Yusof \* **Jerudong Park Medical Center (JPMC)** \* Yang Mulia Dayang Hazimah Hanis binti Haji Hamzah \* **Pantai Jerudong Specialist Centre (PJSC)** \* Yang Mulia Dayang Tina binti Osman \* **Royal Brunei Airlines** \* Yang Mulia Awang Aidil Hajri @ Muhammad Hadi bin Shaheed.



\* **Jurulatih Ikrar** \* Yang Mulia Dr. Awang Kharhan bin Haji Jait ♦ Yang Mulia Awang Haji Khairul Bahrin bin Haji Durahman ♦ Yang Mulia Pengiran Mohammad Fauzie bin Pengiran Zainal Abidin \* **Jurubahasa Bacaan Ikrar** \* Yang Mulia Dayang Hajah Annisa binti Haji Moxsin \* **Pembantu Jurulatih Ikrar** \* Yang Mulia Dayang Sharyanty binti Haji Md. Sharif ♦ Yang Mulia Awang Mohamad Hazim bin Haji Hashim ♦ Yang Mulia Awang Mohammad Iqbal Nasri bin Ismail ♦ Yang Mulia Awang Mohammad Hazim bin Ramliee ♦ Yang Mulia Dayang Wahidah binti Abd. Wahid \* **Jurubahasa Isyarat** \* Yang Mulia Pengiran Shahzrul Nazrin @ Haziq Al-Mukhtar bin Pengiran Haji Shahbudin ♦ Yang Mulia Awang Aziz bin Assan.

# Cemburu

(Hadiah 40 Tahun Merdeka)

KEMERDEKAAN  
adalah kehidupan  
jalan kepada  
hidup bahagia.  
Oleh itu,  
peliharalah ia  
seperti memelihara nyawa.

KEMERDEKAAN  
adalah mahkota  
lambang kedaulatan  
bangsa dan negara,  
oleh itu teruskanlah  
memeliharanya  
dan jangan biarkan  
sebarang anasir  
menodainya.  
Wahai bangsaku,  
ingat dan waspadalah!  
Bahawa inilah saja  
satu-satunya  
harga kita

nilai kita  
maruah kita  
di mata dunia.  
Wahai bangsaku,  
pertebalkan terus  
sifat cemburumu  
untuk melindungi  
untuk mempertahankan  
KEMERDEKAAN.  
Jangan bunuh ia  
(sifat cemburu itu)  
kerana jika ia mati  
- natijahnya -  
bangsa dan negara  
boleh tergadai.  
Ya, hanya cemburu jua  
jadi PERISAJ  
untuk menolak  
segala bentuk  
pencerobohan  
dan penipuan.

Karya:

Adi Rumi

Rumah Hidayat, Brunei Darussalam

28 Januari 2024





# Persediaan Menjelang Upacara Perhimpunan Agung







# *Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi*







# *Mesyuarat Jawatankuasa Kerja*

Jawatankuasa Kerja Pengerusi Bersama / Penyelaras Bersama



## Urus Setia





## Jawatankuasa Kerja Perbarisan



## Jawatankuasa Kerja Pengangkutan



## Jawatankuasa Kerja Inisiatif Korporat dan Awam



## Jawatankuasa Kerja Jemputan dan Protokol





## Jawatankuasa Kerja Penerbitan dan Percetakan



## Jawatankuasa Kerja Tim Kreatif





## Jawatankuasa Kerja Penyertaan Penuntut-penuntut



## Jawatankuasa Kerja Keselamatan (Sekuriti) dan Lalu Lintas





## Persembahan I "Cita Bangsa Sejarah Terukir"

Dalam persembahan ini, elemen-elemen muzik tradisional seperti beduk, hadrah, umpung, gulintangan dan gambus menyatu dalam sebuah simfoni yang merentasi zaman. Di tengah gemuruh muzik, bacaan sajak dan puisi mengalir seperti sungai. Gerak langkah pahlawan mengisi padang dengan hikmah. Melalui karya seni ini, kita menyaksikan proses pembentukan sejarah Negeri Brunei yang kaya dengan budaya dan warisan. Dari era yang jauh hingga berdirinya Perlembagaan Negeri Brunei pada tahun 1959, kita telah berjaya menangkis cabaran dan hambatan yang melanda. Semua ini digambarkan melalui setiap elemen artistik sebagai saksi bagi perjalanan gemilang sebuah negara yang diberkati, makmur, aman dan sejahtera. Bayangan gerak menampakkan hambatan mencapai cita-cita negara, dikuatkan dengan iman, amal, dan patriotisme kepada raja, agama dan negara.



- Empat belas orang seperadian menemukan Negeri Brunei.



- Perkembangan negara-bangsa membesarkan wilayah dan jajahan takluk pesisir.



- Enam cabaran utama sepanjang sejarah pembentukan Negara Melayu Islam Beraja.
- Kita bersatu dan berjaya mengharungi badai cabaran.



- Bumi bertuah Darussalam megah berdiri, kekal berdaulat dan merdeka.
- Bahagia Brunei Darussalam.

## Persembahan 2 “Bersatu Mempertahankan Negara”


Persembahan ini mencerminkan komitmen Negara Brunei Darussalam untuk mencapai kemajuan holistik dan berdaya tahan. Sultan sebagai pemimpin yang bercita-cita mengukuhkan agama Islam, memajukan pendidikan dan membangunkan infrastruktur moden. Persembahan ini menjadi simbol semangat kepimpinan dalam mempertahankan bangsa demi kesejahteraan dan ketahanan nasional.

Dengan menurunkan seramai 500 anggota, persembahan ini menggambarkan peredaran masa serta transisi pencapaian pemacu pemodenan Negara Brunei Darussalam.


- **Kampung Ayer:** Merupakan perkampungan awal penduduk Brunei Darussalam yang sehingga kini masih kekal didiami, bahkan dinaik taraf bagi keselesaan penduduk-penduduk Kampung Ayer.
- **Padian:** Salah satu warisan Brunei Darussalam yang kini tidak lagi dapat disaksikan oleh generasi baharu. Padian merupakan pedagang-pedagang penduduk Kampung Ayer yang menggunakan gubang sebagai alat perhubungan dari kampung ke kampung.
- **Nodding Donkey:** Transisi kemodenan bermula dengan penemuan minyak di Seria pada tahun 1929. Ia menjadi titik bersejarah bagi negara kita dan sehingga kini menjadi punca sumber ekonomi Brunei Darussalam.
- **Masjid:** Melayu Islam Beraja dari dulu hingga kini menjadi pegangan penduduk negara. Islam sebagai agama rasmi tetap utuh dan kian berkembang di setiap pelosok negara ini.




- 1984 Kampung Ayer – keluarga besar dalam kehidupan sederhana.




- Pembangunan ekonomi semakin pesat dengan pentadbiran sendiri (berkementerian).






- Agama Islam menurut ahli sunah waljamaah dimasyhurkan dalam pengisytiharan kemerdekaan.



- Padian – tradisi yang lama.



- 2024 – negara bersatu dengan infrastruktur moden dan lengkap.
- Empat daerah terjalin.
- Pembangunan ekonomi, sosial dan budaya meningkat.



- Sistem pertahanan negara dan bangsa akan tetap menjunjung tinggi Melayu Islam Beraja.



### Persembahan 3

## “Amanah Merdeka dan Bersatu Mencapai Cita Negara”

Dalam persembahan ini, peserta bersatu dalam persembahan *mass display*, memperingati kejayaan 40 tahun kemerdekaan Negara Brunei Darussalam. Merayakan warisan Melayu Islam Beraja dan kepemimpinan luhur Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Persembahan ini memancarkan semangat kohesif untuk mencapai Wawasan Brunei 2035 dan ke arah Negara Zikir. Cerminan perkembangan negara sejak merdeka tampak dari segi pembangunan yang pesat, ketenteraman dan keselamatan yang dijaga dengan cermat, serta peningkatan kesejahteraan masyarakat. Usaha keras terlihat dalam diversifikasi ekonomi, penguatan sektor pendidikan dan peningkatan sosioekonomi bangsa. Persembahan ini menjadi bentuk perayaan dan penghargaan terhadap pencapaian negara yang diilhamkan oleh visi dan kepemimpinan yang bijaksana, memandu rakyat menuju ke masa depan yang lebih cerah dan sejahtera.



- Laungan takbir – hamparan biru menandakan kesucian hati nurani dalam kesatuan bernegara.
- Imej takbir – tanda laungan malam kemerdekaan (cukul di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin, 1984).



- MERDEKA 40 – negara sudah merdeka dan berdaulat selama 40 tahun.



- Daster “Sapu-Sapu Aing” merupakan perhiasan kepala bagi lelaki yang menjadi lambang kegagahan dan kepimpinan. Warna kuning melambangkan kesetiaan dan kesediaan mempertahankan sistem pemerintahan beraja.



- Sarung keris berbentuk angka 40 dalam aksara Jawi dan Rumi ialah pernyataan bahawa negara sudah merdeka selama 40 tahun. Warna kuning melambangkan institusi beraja yang disanjung tinggi dan dipertahankan. Reka bentuk angka 40 dalam aksara Rumi berinspirasi Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin, sebagai manifestasi kemajuan Negara Brunei Darussalam yang merdeka selama 40 tahun di bawah pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.



- Logo ini berasaskan keris dan daster sebagai lambang kemegahan, ketuanan dan kedaulatan bangsa. Senjata ikonik dan penuh makna ini juga menjadi lambang kebesaran pemerintahan beraja. Ia mencerminkan kesetiaan dan kesungguhan orang Brunei dalam “BERSATU MENCAPAI CITA NEGARA.”



# *Pasang Pasak*

## *(Persembahan Prolog)*

Dengan nama Allah, Maha Pemurah,  
Maha Pengasihani

Pasangkan niatmu  
Pasangkan kuda-kudamu  
Kukuhkan pasakmu

Pasang pasak,  
Melalui gerak dan langkah penuh makna.  
Raga terlatih, jiwa berkobar,  
Pertahankan teguh bumi pertiwi.

Semangat Semaun hinggap dalam gerak,  
Seperti helang tinggi, merpati tunduk.  
Bagai ugan merah menyala,  
Menyulut semangat, cinta pada tanah air.

Pasang pasak di pantaran,  
Cekak mengukir kisah.  
Pahlawan dalam senja merah,  
Pasang pasak, bendera kejayaan berkibar.

Dalam jurus yang cikar, rahsia terpampan,  
Menghunos bukan permusuhan.  
Tetapi mempertahankan, menjaga,  
Bangsaku, pertiwi ini harta abadi.

Gelora semangat terus berkobar,  
Di setiap perguruan, di setiap lapangan.  
Pasang pasak, mengukir kejayaan,  
Darussalam laila abadi.

Bukan hanya jurus dalam arena,  
Namun budi pekerti, jati diri terpelihara.  
Bukan tarung sebarang tarung,  
Tetap bersama, tetap bersatu.

Pasang pasak dalam hati yang teguh,  
Dengan semangat, janji kukota,  
Bertumpu di Darussalam bumi yang subur,  
Merajut semangat, membara sepanjang masa.

Ciptaan: **MAHADI**



# *Bahagia Brunei Darussalam*

Kuingin jadi patriot bangsa  
Yang selalu setia pada negara  
Di mana pun aku berada  
Selalu ingat Sang Pencipta

Jika ingin jadi orang pintar  
Kita harus rajin belajar  
Untuk bekal di hari muka  
Agar tercapai cita-cita

Jangan sia-siakan waktumu  
Rajin-rajinlah menuntut ilmu  
Berdoalah selalu kepada-Nya  
Agar menjadi yang terbaik

#

Sembah sujudku pada-Mu Tuhan  
Lindungilah negeriku ini  
Dari segala kehancuran  
Bahagia Brunei Darussalam

Berjanjilah kita selalukan setia  
Pada Brunei Darussalam

Ulang #

Lirik: **Awang Perkasa**  
(Allahyarham Dato Paduka Haji Sumadi bin Suhaimi)  
Lagu: **Tito Soemarsono**



# *Amanah Merdeka*

ALLAHUAKBAR  
Dengan takbir kalimat berkat  
ALLAHUAKBAR  
Sahutan bergema penuh semangat

23 Februari 84  
Bertinta emas sejarah tercipta  
Kita merdeka sudah berdekad  
Menjadi negara tegak perkasa

Titah pemasyhuran penuh pengertian  
Brunei merdeka berdaulat sepanjang zaman  
Takbir bergemuruh dikumandangkan  
Darussalam merdeka dalam keberkatan

Kita generasi purih perwira  
Menjunjung titah memikul amanah  
Menunaikan janji sumpah dilaksana  
Tekad membela tidak pernah goyah

Di bahu kita tugas dan kewajipan  
Siap siaga menuju wawasan  
Konsep MIB disanjung diperkasakan  
Negara Zikir teguh ditegakkan

Bumi Bertuah aman dan makmur  
Dihormati digalati seluruh dunia Darussalam  
*Baladatun tayyibatun warabbun ghafur*  
Di bawah pimpinan Raja adil lagi bijaksana

Ini tekad ikrar janji kita  
Menjaga negara menjunjung amanah  
Mempertahankan negara dari segala pancaroba  
Kita pembela pantang menyerah kalah

Mari kita berseru  
Ya Allah Ya Jabbar!  
Mari kita bertakbir  
ALLAHUAKBAR ALLAHUAKBAR  
ALLAHUAKBAR

Lirik: **Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti Haji Mohd Daud**  
Muzik: **Awang Omar bin Haji Amit**



# *Bersatu Mencapai Cita Negara*

Laungan Allahuakbar takbir bergema  
Penanda keramat Brunei merdeka  
Lafaz Almarhum Seri Begawan maulana  
Disahut penuh semangat rakyat jelata

Satu Januari lapan puluh empat  
Mencapai kemerdekaan penuh bangga  
Bangsa Brunei ayuh kita semangat  
Bergerak memacu Wawasan Negara

Permata bangsa menandai kemerdekaan  
Bersyukur kepada Allah Yang Maha Esa  
Empat dekad merdeka terus ke hadapan  
Wawasan teras kemajuan negara

Mari bangsaku bersatu padu  
Berkorban demi kemajuan negara  
Mari bangsaku kita terus maju  
Bersatu mencapai cita negara

Brunei makmur aman sentosa  
Kita pertahankan dengan jiwa raga  
Tanamkan semangat patriotisme  
Bersama memelihara warisan budaya

Ayuh bangsaku kuatkan iltizam  
Berkorban demi negara tercinta  
Maju bangsaku tekadkan azam  
Taat beragama setia beraja

Lirik: **Idlan Adley**

Muzik: **Pengiran Mohd. Yusri bin Pengiran Haji Yahya**



# Membangkitkan Kenangan

Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan  
Negara Brunei Darussalam  
Ke-39, Tahun 2023





## *Keberangkatan ke Majlis Kesyukuran*

Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah,  
Membaca Surah Yasin dan Doa Kesyukuran

Rabu (Malam Khamis)

2 Syaaban 1444 🌸 22 Februari 2023

Masjid Omar 'Ali Saifuddien

Bandar Seri Begawan









*Upacara Perhimpunan Agung*













*“Kumpulan Kepala Perbarisan yang Akan Membawa  
Bendera Besar Semasa Perbarisan Laju”*

**Awang Muhammad Outbul Islam bin Haji Suhaimi**

Sagu Hati Kategori B Peraduan Fotografi

Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan  
Negara Brunei Darussalam Ke-39, Tahun 2023

# *Kemerdekaan Brunei Darussalam: Sebuah Perjalanan Meniti Zaman*

Arus kemajuan sebuah negara seiring dengan waktu maka sebuah negara sering dikaitkan dengan suatu perjalanan sejarah dan perjalanan sejarah sebuah negara harus menyerlahkan sebuah kejayaan, dan kejayaan jangan sampai melupakan nilai-nilai budaya dan jati diri bangsa kita tanamkan semangat mencintai negara dan menjunjung kedaulatan Raja.

Sepanjang kemerdekaan Negara Brunei Darussalam kita berbangga dengan pemerintahan Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah membangun negara untuk duniawi dan ukhrawi demi rakyat dan negara agar hidup aman, harmoni dan sejahtera.

Dalam sejarah Brunei, dulu kita pernah berbangga dengan Sultan Bolkiah Sultan Brunei berwibawa pejuang negara membina sebuah empayar di seluruh Kalimantan dan pesisirnya bahkan sampai ke Kepulauan Sulu ini kerana kebijaksanaan, kepahlawanan dan keberanian baginda telah membawa Brunei ke zaman gemilang disegani cahaya melimpah daulat dimegah.

Kini, setelah empat dekad meniti usia merdeka dan melalui liku-liku perjalanan sebuah kemerdekaan maka sebagai rakyat bumi Darussalam kita berbangga dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Raja dan pemerintah yang berwibawa adil, bijaksana, berjiwa rakyat memegang tanggungjawab untuk bangsa dan negara membangun negara untuk duniawi dan ukhrawi.

Wibawa dan tanggungjawab diambil demi menegakkan hukum syariah tegas, sesuai dengan Brunei sebagai negara Islam dengan falsafah MIB.





*Kebawah Duli Baginda Sultan tegas dan berani sebagai pemimpin Islam menjadikan Brunei sebuah Negara Zikir berpegang kepada Undang-Undang Syariah sesuai dengan Islam sebagai agama rasmi dan peranan kita sebagai rakyat Brunei membangun negara berpandukan titah Kebawah Duli dengan Islam sebagai landasan utama semoga Brunei Darussalam akan tetap membangun mencapai ke puncak jaya pembangunan fizikal seiring dengan pembangunan rohani.*

*Kebawah Duli Baginda Sultan sentiasa prihatin dengan kebajikan rakyat memastikan pembangunan tetap berjalan baik perpaduan masyarakat dan bangsa tetap terjaga pegangan beragama yang kukuh dipastikan dalam kehidupan sebagai bangsa beragama, dan Brunei menjadi negara yang aman, sejahtera dan harmoni.*

*Begitulah Brunei Darussalam ibarat sebuah ladang kecil subur dengan wibawa dan usaha Kebawah Duli Baginda Sultan bersama rakyat gigih dengan rasa tanggungjawab dan hasilnya dinikmati.*

*Usaha untuk pembangunan dan kemajuan dilanjutkan dengan semangat kental demi mencapai kejayaan persediaan dibuat dan langkah harus dipacu, dan ini penting untuk mencapai Wawasan 2035 menjadikan Brunei Darussalam negara maju maka harus dibina dan dirancang begitu rupa dengan usaha dan kegigihan semua pihak.*

*Kemajuan tidak datang sekelip mata kerana ini umpama menanam sebiji benih tumbuh, berpucuk, berbunga dan berbuah membesar menjadi pokok yang rendang tempat berlimbu dan bernaung itulah sebuah negara Brunei Darussalam.*

*Begitulah liku-liku sebuah perjalanan Negara Brunei Darussalam membangun dan berjalan seiring dan zaman sebagai sebuah negara merdeka terlibat dan bermain di persada dunia.*

**Karya:**

**Morsidi M.H**

**Baitul Husna, Sengkurong, Brunei Darussalam**

**27 Januari 2024**



# 39

Konvensyen Ulang Tahun  
**39th Anniversary**  
Majlis Bristol Darussalam  
16-18, Februari 2023  
100, Jalan F. 1, 20 Februari 2023













# Munajat di Pekarangan Raudhah Merista Ristaan Sejarah

Di antara makammu Ya Rasulullah  
Di antara mimbarmu Ya Nabiyyallah  
Kurafakkan tangan memohon doa  
Kuangkatkan muka memanjatkan munajat  
Ya Allah Yang Maha Berkuasa  
Ya Allah Yang Maha Perkasa  
Tujuh petala langit  
Tujuh petala bumi  
Setinggi angkasa dan cakerawala  
Sedalam lautan seluruh pelosok bumi  
Kupohonkan kudoakan kumunajatkan  
Di sini di Taman Raudhah  
Yang penuh berkah  
Yang diagungkan sebagai  
Satu daripada taman-taman syurga  
Agar negara kami  
Negara yang bernama Brunei Darussalam  
Dari garis sempadan Sungai Tujuh  
Hingga sampai ke Ujung Sapuh  
Akan tetap  
Dalam peliharaan Allah  
Dalam perlindungan Allah  
Akan tetap selamat dan kuat  
Teguh dan kukuh  
Di bawah panji-panji lambang negara  
Ad-da'imuna al-muhsinuna bi-l-huda

الدائمون المحسنون بالهدى

Agar tetap sentiasa selamat sejahtera  
Aman sentosa damai bahagia  
Di bawah payung mahkota diraja  
Di bawah firman Allah subhanahu wa taala

تَبَارَكَ الَّذِي بِيَدِهِ الْمُلْكُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

Di bawah pimpinan Raja adil dan takwa  
Yang titah baginda dijunjung dan disanjung  
Mendaaulatkan negara menjulang agama

*Kini  
Negara telah 40 tahun merdeka  
Jasa dan bakti teruslah ditumpahkan  
Dalam mengisi dan menegakkan kemerdekaan  
Kenang-kenanglah orang-orang yang terdahulu dari kita  
Yang terdiri dari para pahlawan  
Pejuang-pejuang, perwira-perwira  
Pelopor kemerdekaan  
Jasa dan bakti mereka jangan sekali dilupakan*

*Mari kita renung dan kenang  
Seorang negarawan diraja  
Seorang Raja pemerintah negara  
Jasa dan perjuangannya  
Sikap dan pegangan serta pemikirannya  
Langkah dan pendirian serta keputusannya  
Dalam memandu, memimpin dan mengatur  
Hala tuju negara dan rakyat  
Mengisi aspirasi dan inspirasi  
Sehingga ke hari ini*

*Masih terasa dan terngiang-ngiang  
Suara takbir kemerdekaan  
Yang dilafazkan dan dilauungkannya*

*Maka  
Di sambutan kali ini  
Mari kita bertakbir lagi  
Sebagai refleksi takbir yang dikumandangkan  
40 tahun dahulu  
Takbir berkat yang telah mengangkat negara kita  
Sebagai negara berdarjat*

*Mari kita imbas lagi kenangan lama  
Sebagai ristaan sejarah  
Di sempena 40 tahun hari kebangsaan  
Sebagai penguat semangat dan tekad  
Bagi memperkasa mempertahankan negara berdaulat*

*Dulu  
Kita asalnya  
Sebuah pulau besar seluruhnya  
Satu tanah, satu daratan  
Satu perairan, satu sempadan*



Tiba-tiba kita dipisah-pisahkan  
Dicerai-beraikan  
Dek tamak haloba, dek tipu muslihat  
Penjajah penipu, dan konco-konco mereka  
Kononnya melindungi dari lanun  
Tapi siapakah sebenarnya lanun  
Mereka sebenarnya bertopengkan pelindung keamanan  
Penegak hukum dan keadilan

Tanah kita digaris-garis, diurih-urih  
Disukat dan dibahagi-bahagi  
Mengikut nafsu serakah dan selera gelojoh mereka  
Lalu kita menjadi seperti yang ada  
Yang dulunya sebesar sebuah pulau  
Malah pernah menjangkau ke utara  
Menggamit Manila  
Menyelusur ke selatan  
Melimpasi Kalimantan  
Melangkahi selat malah lautan

Renungkanlah dan kenangkanlah  
Keserakahan dan kelicikan mereka  
Memecah-belahkan dan memporak-perandakan  
Kita dibiarkan

Putih tulang putih mata  
Sehingga kita kehilangan tanah dan daratan  
Batas sempadan kita disasar  
Diubah malah ditiadakan

Kemudian datang pula satu era  
Satu ketika

Di mana kita hampir-hampir  
Dijadikan sebagai satu wilayah  
Hampir-hampir kita di bawah perintah  
Di bawah naungan dan kekuasaan  
Yang merupakan satu gagasan  
Satu corak pemerintahan

Namun

Alhamdulillah, kita terselamat  
Berkat pendirian dan pandangan sangat jauh  
Seorang Raja, seorang Sultan  
Seorang Negarawan Besar  
Seorang pemimpin negara, seorang pemimpin rakyat

*Yang jiwa dan hatinya  
Hanya untuk rakyatnya  
Tidak baginda memikirkan kuasa  
Tidak baginda memikirkan harta  
Tidak baginda memikirkan kedudukannya  
Di hatinya ialah rakyatnya  
Di fikirannya ialah Brunei Darussalamnya  
Akan jadi apa?  
Jika diteruskan jua menyertai gagasan itu  
Jika diakun jua syarat dan aturannya*

*Benarlah pendiriannya, benarlah pandangan jauhnya  
Benarlah pegangannya, benarlah firasatnya  
Benarlah keputusannya  
Dan, jadilah kita sepertimana di hari ini  
Punya identiti sendiri, punya nama dan pengenalan sendiri  
Punya itu dan ini sendiri*

*Inilah ertinya fadilat takwa  
Inilah ertinya manzilat iman  
Inilah ertinya hasanah ihsan  
Kita terselamat  
Negara kita berdaulat  
Kita rakyat berkat berdarjat  
Kita rakyat taufik dan hidayat*

*Maka sempena 40 Tahun Merdeka ini  
Kenang-kenangkanlah  
Pegang erat-erat sumpah dan janji  
Jangan berbelah bahagi kasih dan taat  
Jangan terpikat dengan tipu muslihat  
Jangan terperangkap dengan umpan dan jerat*

*Janganlah lagi bertanya-tanya apa mau dibuat  
Wawasan 2035 punya hala tuju yang telah tersurat  
Begitulah juga apa-apa yang tersirat*

*Labbaikallahumma labbaik, labbaika la syarika laka labbaik.*

Karya:

**MZM**

**Masjidilharam, Makkah Al-Mukarramah**

**23 Januari 2024**





















مدرسة تارابول الإسلامية الشمالية  
MAD TERAPUL ISB UTARA

Logo of the Ministry of Education, Brunei Darussalam.

سنة الف الف سنة  
على كبر  
تاريخنا  
والتقدم  
والتطور  
والتحديث

Ministry of Education  
Brunei Darussalam

ITBA  
TBK

Ministry of Education  
Brunei Darussalam

39

Sambutan Ulang Tahun  
Hari Kebangsaan  
Negara Brunei Darussalam  
Ke-39, Tahun 2023  
122 April / 23 Februari 2023

# Tekad dan Amanah Merdeka

Bunga simpur berwarna kuning,  
Lagi kuning warna bendera;  
Bertutur kota berjiwa hening,  
Semegah negara tiada tara.

Lagi kuning warna bendera,  
Bendera Diraja Brunei Darussalam;  
Semegah negara tiada tara,  
Kurnia Allah semesta alam.

Bendera Diraja Brunei Darussalam,  
Berkibar mesra gagah perkasa;  
Kurnia Allah semesta alam,  
Damai harmoni ceria sentiasa.

Berkibar mesra gagah perkasa,  
Warna keemasannya sirna tiada;  
Damai harmoni ceria sentiasa,  
Kepimpinan saksama iman di dada.

Warna keemasannya sirna tiada,  
Negara seratus lima puluh sembilan;  
Kepimpinan saksama iman di dada,  
Berdaya maju tiada ketinggalan.

Negara seratus lima puluh sembilan,  
Meraikan merdeka keempat puluh;  
Berdaya maju tiada ketinggalan,  
Tanpa resah dan keluh.

Meraikan merdeka keempat puluh,  
Merdeka-tulen bukan saduran,  
Tanpa resah dan keluh;  
Disambut dengan penuh kesyukuran.

Merdeka tulen bukan saduran,  
Meriahnya sambutan gilang-gemilang;  
Disambut dengan penuh kesyukuran,  
Memartabat bangsa tiada walang.

Meriahnya sambutan gilang-gemilang,  
Brunei merdeka berusia matang;  
Memartabat bangsa tiada walang,  
Brunei berdaulat wajib ditatang.

Brunei merdeka berusia matang,  
Kepimpinan bijaksana Raja penyayang;  
Brunei berdaulat wajib ditatang,  
Kejayaan gemilang sudah tertayang.

Kepimpinan bijaksana Raja penyayang,  
Didukung padu oleh rakyat;  
Kejayaan gemilang sudah tertayang,  
Andai diselia jadilah hikayat.

Didukung padu oleh rakyat,  
Taat tiada berbelah bahagi;  
Andai diselia jadilah hikayat,  
Penuh beretika dan berideologi.

Taat tiada berbelah bahagi,  
Siap siaga menjunjung titah;  
Penuh beretika dan berideologi,  
Rakyat akur menurut perintah.

Siap siaga menjunjung titah,  
Bergerak maju menuju wawasan;  
Rakyat akur menurut perintah,  
Melaksanakan tugas biar berkesan.

Bergerak maju menuju wawasan,  
Wawasan itu hasrat negara;  
Melaksanakan tugas biar berkesan,  
Komitmen ikhlas perlu terpelihara.

Wawasan itu hasrat negara,  
Bahasa Melayu bahasa rasmi;  
Komitmen ikhlas perlu terpelihara,  
Bertekad jujur cinta bersemi.

Bahasa Melayu bahasa rasmi,  
Sebagai alat kita berkomunikasi;  
Bertekad jujur cinta bersemi,  
Falsafah negara biar serasi.

Sebagai alat kita berkomunikasi,  
Jangan lupa konsep negara;  
Falsafah negara biar serasi,  
Agar MIB tetap terpelihara.

Jangan lupa konsep negara,  
Peliharalah warisan dan budaya;  
Agar MIB tetap terpelihara,  
Generasi penerus tidak terpedaya.

Peliharalah warisan dan budaya,  
Budaya asli adat ketimuran;  
Generasi penerus tidak terpedaya,  
Agar ditangani penuh kesedaran.

Budaya asli adat ketimuran,  
Agama Islam agama rasmi;  
Agar ditangani penuh kesedaran,  
Semoga musibah tidak dialami.

Agama Islam agama rasmi,  
Sahih dalam Perlembagaan Negara;  
Semoga musibah tidak dialami,  
Kefahaman Islam tidak bergelora.

Sahih dalam Perlembagaan Negara,  
Hati-hati membuat reformasi;  
Kefahaman Islam tidak bergelora,  
Cadang dan fikir biar berdiplomasi.

Hati-hati membuat reformasi,  
Reformasi untuk kebajikan rakyat;  
Cadang dan fikir biar berdiplomasi,  
Sebagai iktibar sepanjang hayat.

Reformasi untuk kebajikan rakyat,  
Tiada bercanggah konsep negara;  
Sebagai iktibar sepanjang hayat,  
Cerialah hidup tiada sengsara.

Tiada bercanggah konsep negara,  
Brunei Darussalam negara bersultan;  
Cerialah hidup tiada sengsara,  
Sudah ditakdirkan sudahlah suratan.

Brunei Darussalam negara bersultan,  
Sistem beraja beradat istiadat;  
Sudah ditakdirkan sudahlah suratan,  
Peganglah amanah sebagai mandat.

Sistem beraja beradat istiadat,  
Bersyukurlah kita kepada Allah;  
Peganglah amanah sebagai mandat,  
Hayatilah Islam jangan menyalah.

Bersyukurlah kita kepada Allah,  
Laksanakanlah tugas masing-masing;  
Hayatilah Islam jangan menyalah,  
Elakkan dari pengaruh asing.

Laksanakanlah tugas masing-masing;  
Jauhkan dari pecah amanah,  
Elakkan dari pengaruh asing,  
Akibatnya diri terjebak musnah.

Jauhkan dari pecah amanah,  
Pecah amanah hukumannya berat;  
Akibatnya diri terjebak musnah,  
Bak penyakit terus melarat.

Pecah amanah hukumannya berat,  
Lebih berat hukumannya Allah;  
Bak penyakit terus melarat,  
Jangan ditanya siapa salah.

Lebih berat hukumannya Allah,  
Allah itu Maha Kuasa;  
Andainya berjuang biarlah menyerlah,  
Merdeka 40 bergerak sasa.

Allah itu Maha Kuasa,  
Brunei Darussalam negara berdaulat;  
Merdeka 40 bergerak sasa,  
Doa ditadah sebagai alat.

Brunei Darussalam negara berdaulat,  
Bangunan tersergam beribu buah;  
Doa ditadah sebagai alat,  
Jadilah Brunei bumi bertuah.

Bangunan tersergam beribu buah,  
Bendahara Sakam pembela bangsa;  
Jadilah Brunei bumi bertuah,  
Dikenali oleh antarabangsa.

Bendahara Sakam pembela bangsa,  
Rela berjuang bermati-matian;  
Dikenali oleh antarabangsa,  
Bijak berperang punya kesaktian.

Rela berjuang bermati-matian,  
Kerana bangsa dan agama;  
Bijak berperang punya kesaktian,  
Ambillah iktibar penuh saksama.

Kerana bangsa dan agama,  
Itulah tekad perlu diingkat;  
Ambillah iktibar penuh saksama,  
Mempertahankan negara penuh semangat.

Itulah tekad penuh semangat,  
Brunei merdeka sudah ditakdirkan;  
Mempertahankan negara penuh semangat,  
Itulah amanah wajib dipertahankan.

Karya:

Pengiran Haji Shamsu PHK  
Kampung Selayun, Sengkurong, Brunei Darussalam



















*“Menjunjung Kemerdekaan”*

**Awang Muhammad Haziq bin Abdul Hamid**

Johan Kategori A Peraduan Fotografi

Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan  
Negara Brunei Darussalam Ke-39, Tahun 2023







*“Kegembiraan Dikongsi Bersama-sama”*

**Dayang Faridah binti Haji Jaya**

Naib Johan Kategori B Peraduan Fotografi

Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan  
Negara Brunei Darussalam Ke-39, Tahun 2023









## *Gema Takbir di Sebuah Dataran*

*Allahuakbar!  
Allahuakbar!  
Allahuakbar!*

*Lalu,  
menjeritlah para iblis  
meraunglah para syaitan  
bersahut-sahutan  
berlari ke sana ke mari  
menjaja pekik jerit  
negara ini kebal tiada terhasut pada bisik  
maka terhentilah sebuah hasut yang menggelapkan  
dari jejerum goda bisik rayu  
agar negara ini kembali  
merangkak, merunggau  
di bawah dakwah yang menyesatkan  
kerana sebuah kalimat berkat  
mengguris bumi Darussalam  
tiada runtuh, tiada binasa  
tiada bermara, tiada sengsara  
tegap teguh,  
tiada gentar membilang lawan.  
“Bapa, kenapa Allahuakbar,  
kitani bukan kan berperang,  
negara kitani alum merdekakah”*

*Lalu,  
sebuah suluh  
meliuk-liuk sumbunya  
dibakar api  
cahaya menerangi berbalam  
asap hitam membidu atap daun nipah  
beruyung-uyungan ditiup angin*



di mana angin bertuip  
di situ nampak terangnya  
di mana angin memburu  
di situ asap membidu.

“Anakku, seruan Allahuakbar!  
terlontar dari suara Almarhum teraju negara  
tanda pelepas ikatan sebuah perjanjian  
kitani dilindungi bukan dijajah”

Jadi sebuah suluh  
menerangi sebuah dataran  
kerana di dataran ini kita terima  
sebuah titipan dan juga pesan sebagai watakah  
yang perlu dimasyhurkan  
dibahanakan ke pelosok negara  
melimpasi batas dunia  
inilah negara kitani  
Negara Melayu Islam Beraja  
yang terletak di atas duduknya  
di bawah satu ketuanan yang agung.

“Anakku, jangan pernah kaujeritkan  
kata MERDEKA kerana  
negara ini tidak pernah tercatat  
di atas kertas dunia  
bahawa kita bangsa dikuasai  
bumi Darussalam ini kekal berdaulat  
dari mula, bukan 4 dekad penanda catatan”

Karya:  
nurFik Brunei  
14 Februari 2024





## *“Generasi Penerus Legasi”*

**Hajah Dayang Surairah binti Haji Awang Mohammad**

Johan Kategori B Peraduan Fotografi

Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan  
Negara Brunei Darussalam Ke-39, Tahun 2023







*“Renungan Berzaman Meraiikan Hari Kebangsaan”*

Abang Md. Saifulizam bin Abang Haji Zamhor  
Sagu Hati Kategori A Peraduan Fotografi  
Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan  
Negara Brunei Darussalam Ke-39, Tahun 2023



*“Kusyukuri Nikmat Kemerdekaan”*

Pengiran Haji Sulaiman bin Pengiran Md. Salleh  
Sagu Hati Kategori A Peraduan Fotografi  
Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan  
Negara Brunei Darussalam Ke-39, Tahun 2023



*“Bendera Kemegahan Negara”*

**Awang Haji Ali Hamzah bin Haji Gafar**  
Pemenang Ketiga Kategori B Peraduan Fotografi  
Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan  
Negara Brunei Darussalam Ke-39, Tahun 2023









# Anak Negeri Merdeka

Akan cerita yang dikisahkan tentang sebuah peradaban kerana usia yang bergulir bukan sekadar hitungan angka maka berderaplah langkah kaki para anak negeri berhimpun berjanjar berbaris dengan segak sikapnya dengan tangan melambai menjulang ke udara lalu mereka pun melaungkan kata keramat menggeggar buana inilah tanah berdaulat kepunyaan anak negeri walaupun usianya masih membibit pada hitungan kasar namun pengalaman sejarah yang sejak dini ditunas sudah cukup menyerlahkan ranum harum nama negeriku

Brunei Darussalam negeri berdaulat di atas tanah inilah menggema kebesarannya dalam hembus nafas bayu angin yang berpuput empat dasawarsa dalam hitungan angka nilai merdeka yang bukan didapat percuma inilah warisan anak negeri yang wajib dijaga bukan sekadar merebut emas tumpuk permata tapi siapalah yang akan sigap membina negeri melindungi kota menggali sungai dan menanak nasi kalau bukan hasil jerih perih anak negeri kerana nilai merdeka yang dijawat negeriku mungkin murah harganya dilihat oleh mata petualang yang, panas ubun kepalanya menyaksikan negeriku menerjah dunia tetapi bagi aku seorang anak negeri yang tiada punya apa-apa tanah merdeka ini sudah cukup untukku menghidupi nyawa sekepal pada tanah inilah kutumpahkan janji bakti ikrar setia kerana akulah anak negeri anak pewaris kemerdekaan negara yang datu niningku asal purih dari tanah keramat yang berpayung di bawah raja Melayu berdaulat

Menjunjungmu wahai negeriku Brunei Darussalam tanai dan agungkanlah kemerdekaan yang telah lama kaujawat biarlah aku melebur menyatu bersama tanah negeri ini biarlah hayatku diterbang bersama angin lalu namun namamu tetap kuratib dalam sanubari kepada Tuhan Rabbulizzati doa kupohonkan perjalanan hayat angka empat dasawarsa merdeka terus berkekalanlah negeriku merdeka dalam cinta dan cita sehingga masa menjadi satu dalam lipatan waktu dan sejarah.

Karya:  
Panji Lara  
2024

# Di Perkebunan

Lalu, tumbuhlah kehidupan ini dengan tujuh warna bunga di perkebunan bangsa yang merdeka, tumbuh dengan mekar seperti warna pelangi yang menghias langit bangsa yang merdeka, tumbuh di batasnya dari keharuman tujuh warna bunga di perkebunan bangsa yang merdeka, seperti tujuh warna pelangi yang selalu menemani hujan gerimis di waktu senja.

Di perkebunan ini semua yang kulihat adalah bunga-bunga bangsa yang tumbuh subur dan harum di persada tanah airku, lalu kita siram kita baja kita jaga dengan penuh ketaatan dan kecintaan yang tidak berbelah bahagi.

Tanah airku, adalah sebuah perkebunan yang pernah ada dirinya dan sejarah telah mengajarku untuk menanam rasa ini, lalu, tumbuhlah kehidupan ini dengan tujuh warna bunga di perkebunan bangsa yang merdeka, tumbuh dengan mekar seperti warna pelangi yang menghias langit bangsa yang merdeka, tumbuh di batasnya dari keharuman tujuh warna bunga di perkebunan bangsa yang merdeka, seperti tujuh warna pelangi yang selalu menemani hujan gerimis di waktu senja.

**Karya:**  
**Puasha**  
**Kampung Bebuloh**  
**25 Ogos 2023**









# Wawasan

Wawasan adalah peta jalan,  
Pangkalan hala tuju rancangan,  
Masa depan masalah watan,  
Berebekal takwa dan iman.

Wawasan adalah weltanschauung,  
Luas pandangan bukan setanjung,  
Di podium dunia memburis gegandung<sup>1</sup>,  
Maslahat umat sejahtera berpayung.

Wawasan adalah lautan,  
Bahtera zaman sarat muatan,  
MTB bersimpang<sup>2</sup> harapan,  
Ke mercu gunung kejayaan.

Wawasan adalah neraca,  
Perjuangan hidup pascamerdeka,  
Peningkah mahkota taat setia,  
Sepanjang zaman menabur jasa.

Wawasan adalah jumbuh pendeta,  
Urusan negara tajuk mahkota,  
Hulur nasihat laila baina,  
Urak puadai nilam permata.

---

<sup>1</sup> Kenaikan diraja

<sup>2</sup> Berkait



Wawasan adalah uswah hasanah,  
Harum semerbak hamparan raudah,  
Adil berdaulat Duli Khalifah,  
Negara makmur melimpah ruah.

Wawasan adalah rakan sekerja,  
Senang-sakit bersama dirasa,  
Menongkahi arus rentas benua,  
Ikatan ukhuwah ke hujung usia.

Wawasan adalah saludan kasih,  
Berkasih sayang tiada selisih,  
Negara aman raksi sumbangsih,  
Seni budaya si air mulih.

Wawasan adalah bendera negara,  
Megah berkibar di tuju kesateria,  
Akar melilit di tiang bendera,  
Siap siaga wirawan negara.

Wawasan adalah sinar lentera,  
Duduknya di jeraya usaha,  
Perjalanan jauh berbekal takwa,  
Munajat limpah kurnia-Nya jua.

Karya:

**DP IMBI**

**28 Disember 2013**





## *Erti Merdeka*

Aku tidak merasa keperitan  
dan kesakitan yang kautanggung  
aku cuma mampu membayangkan  
suasana huru-hara kekacauan batin  
dan luka-luka di zahirmu.

Perjalanan yang panjang ini  
menjadikanmu dewasa  
dalam menilai erti sebuah kemerdekaan sebenar  
pengorbananmu perjuanganmu  
dan kepayahanmu membela tanah pusaka  
menjadi ristaan berzaman  
dan menjadi nadi pada anak bangsa  
untuk menikmatinya serta memakmurkannya.

Catatan sejarah membuka cerita  
tentang perjuanganmu  
menggadaai nafas dan raga  
demi mewujudkan sebuah kemerdekaan  
waktu terus melangkah  
menyusuri jalan-jalan kemerdekaan.

Pantai laut hutan  
dan rimbanya membelah saujana mata memandang  
dalam dakapan bahagia kau dan aku  
menikmati kedamaian hidup bernegara.

Karya:

**Ratna Kejora**

29 Januari 2024 • Isnin • 10.14 pagi





Daerah Brunei dan Muara



Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan  
Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha

Daerah Tutong



Sekolah Menengah  
Raja Isteri Pengiran Anak Saleha



Daerah Belait



Sekolah St. John

Daerah Temburong



Sekolah Rendah Sultan Hashim, Batu Apoi

# Majlis Pengagihan Bendera Kecil Meja dan Program Semarak Pengibaran Bendera

Rabu, 24 Rejab 1444 • 15 Februari 2023







# *Upacara Menurunkan Bendera Besar*

Sabtu, 4 Syaaban 1444 ✧ 25 Februari 2023  
Kawasan Lapang, Kompleks Yayasan  
Sultan Haji Hassanal Bolkiah,  
Bandar Seri Begawan





رياضة برسائيل سمان كينسنگ

*Riadah Berbasikal*

**Semangat Kebangsaan**

Ahad, 5 Syaaban 1444 ✽ 26 Februari 2023  
Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien,  
Bandar Seri Begawan

















# Majlis Khatam Al-Quran 39 Kali

Khamis, 23 Syaaban 1444 • 16 Mac 2023

Daerah Brunei dan Muara



Masjid Ar-Rahman,  
Kampung Tanjung Bunut

Daerah Tutong



Masjid Pengiran Anak Haji Mohamed Alam,  
Kampung Sengkarai



Daerah Belait



Masjid RPN Kampung Pandan

Daerah Temburong



Masjid RPN Kampung Rataie





# *Kalendar*

Tarikh	Acara	Tempat
<p style="text-align: center;"><b>Khamis</b> 5 Syaaban 1445 15 Februari 2024</p>	<p style="text-align: center;"><b>Majlis Pengagihan Bendera Kecil Meja dan Program Semarak Pengibaran Bendera</b> (Daerah Temburong)</p> <p style="text-align: center;">Tetamu Kehormat <b>Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Mohd. Salleh</b> Menteri Pendidikan</p>	<p style="text-align: center;">Sekolah Rendah Rataie</p>
